

KAJIAN META-ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM RAWATAN DAN PEMULIHAN DI AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK)

Amin Al Haadi Bin Shafie¹, Mizan Adiliah Bt Ahmad Ibrahim³, Mohamad Isa Bin Amat¹,
Khairunnezam Bin Mohd Noor³, Hishamuddin Bin Abdul Wahab³ Dan Zirwatul Ahlam Bt
Zamzam²

Pusat Penyelidikan Dadah Asia (ACREDA)¹

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)²

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)³

ABSTRAK

Matlamat kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan rawatan dan pemulihan yang dijalankan di bawah pusat yang dikelola oleh AADK. Kajian ini melibatkan lapan kajian kuantitatif dan empat belas kajian kualitatif. Pengkaji telah mengumpulkan kajian-kajian lepas yang berada dalam simpanan AADK dan juga yang berada di beberapa Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Program rawatan dan pemulihan yang dikumpulkan telah dibahagikan kepada beberapa tema iaitu rawatan dengan pendekatan keagamaan, komuniti terapeutik, *Cure and Care Rehabilitation Center* dan pendekatan lain-lain. Kajian berbentuk kuantitatif telah di analisis menggunakan perisian Stata untuk mengenal pasti keberkesanan rawatan pemulihan yang di kaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kajian kualitatif pula dikumpulkan untuk menjadi sokongan kepada hasil meta analisis data-data daripada kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif yang di analisis menggunakan meta analisis diklasifikasikan kepada dua jenis analisis iaitu analisis selanjar dan analisis binari. Tahap keberkesanan rawatan bagi setiap kajian di ukur daripada penganggaran *effect size* (ES) dengan menggunakan *Cohen's* bagi analisis selanjar dan nilai RR bagi analisis binari. Analisis binari pada keseluruhannya menunjukkan data-data tahap *heterogeneous* yang tinggi, manakala analisis selanjar pula di dapati *homogeneous*. Di akhir kajian ini, pengkaji mendapati bahawa hasil dapatan kualitatif tidak dapat menyokong keputusan kajian-kajian kuantitatif disebabkan hasil dapatan kajian adalah berbeza-beza antara satu sama lain dan terlalu abstrak. Cadangan-cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat membantu dalam penambahbaikan kajian keberkesanan serta pelaksanaan program rawatan pemulihan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Meta-Analisis, Kajian AADK, Stata, Rawatan dan Pemulihan, Dadah, Acreda